

Nahas pesawat MH17

Malaysia ragui keputusan pasukan penyiasat: PM

Malaysia masih meragui pendekatan dilakukan Pasukan Penyiasat Bersama Antarabangsa (JIT) mengenai pembabitian Russia dalam nahas pesawat MH17 milik Malaysian Airlines yang ditembak jatuh di timur Ukraine, lima tahun lalu.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata selain tidak mempunyai bukti kukuh, keputusan yang dibuat pasukan penyiasat diketuai Belanda itu juga dilihat seperti 'tidak kena'.

"Ya, ia (pendakwaan terhadap Russia) masih meragukan kami.

Saya tidak mempunyai saudara mara yang terkorban dalam kejadian itu. Saya tidak berhak terhadap sebarang tuntutan insurans.

"Tetapi saya melihatnya sebagai seorang pemerhati dari luar dan beberapa penemuan dibuat (oleh JIT) bagi saya dan kebanyakan rakyat Malaysia kelihatannya seperti 'tidak kena'," katanya dalam satu temu bual dengan agensi berita Sputnik, di Vladivostok, semalam.

Temu bual itu diadakan sempena kunjungan Perdana Menteri

ke Forum Ekonomi Timur (EEF) atas jemputan Presiden Russia, Vladimir Putin di negara itu.

Dr Mahathir berkata, bukti yang ada juga 'tidak mencukupi' untuk mengenai pasti pihak yang bertanggungjawab, selain sukar baginya untuk menerima bahawa JIT mampu mengesahkan siapa yang menembak jatuh pesawat itu menggunakan peluru berpandu.

"Saya bukan meragui kebenaran mereka, tetapi ada beberapa perkara dalam dakwaan mereka itu yang sukar diterima," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir menegaskan Malaysia tidak berasa terancam terhadap rancangan Amerika Syarikat (AS) menempatkan peluru berpandu di rantau Asia Pasifik atau dengan kehadiran tentera China di situ, tetapi bimbang mengenai potensi berlaku insiden tidak diingini.

Pada Ogos lalu, Setiausaha Pertahanan AS, Mark Esper, berkata beliau berhasrat menempatkan peluru berpandu jarak sederhana di Asia tetapi menegaskan, ia mungkin mengambil masa lama.

"Saya tidak fikir sebarang ta-

waran rasmi mengenainya dibuat tetapi ia suatu yang kita dapat daripada berita. Dan kami fikir, jika kami perlu berbelanja untuk pertahanan, ia mesti suatu yang benar-benar bermanfaat dalam usaha mengekalkan keselamatan kami.

"Buat masa ini, Malaysia tidak berasa terancam. Ya memang ada kapal perang China di Laut China Selatan dan Amerika juga datang ke sana, tetapi kami tidak melihat ia sebagai ancaman langsung terhadap Malaysia," kata Perdana Menteri.